



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

3 Jun 2021
22 Syawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan lega dibenarkan ke laut• Pulau Pinang digesa batalkan projek tambak laut
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Pulau Pinang digesa batalkan projek tambak laut
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">• NGO gesa kerajaan benarkan nelayan tanpa lesen turun ke laut
Bernamea	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Free Malaysia Today	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	✍	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE 3 JUN 2021		

Nelayan lega dibenarkan ke laut

Hassan Omar - Jun 2, 2021 @ 12:44pm
bhnews@bh.com.my



Mohd Ali Abu Bakar (kanan) dan Roslan Osman, memasukkan rawai ke dalam perahu di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, Masjid Tanah, hari ini. NSTP/Hassan Omar

MASJID TANAH: Nelayan bersyukur kerana dibenarkan turun ke laut sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh bermula semalam hingga 14 Jun ini.

Bagi mereka, keizinan Majlis Keselamatan Negara (MKN) itu seolah-olah rahmat untuk nelayan yang hidup sekadar 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' untuk meneruskan kehidupan.

Mohd Ali Abu Bakar, 53, berkata sebelum penutupan penuh diumumkan, dia bimbang nelayan dilarang beroperasi dan akan menjejaskan pendapatannya.

"Kami hidup dengan bergantung kepada hasil tangkapan dan ada kalanya ia menggembirakan dan ada ketikanya sekadar lepas duit petrol turun ke laut atau lebih teruk lagi, hanya dapat seekor dua ikan.

"Alhamdulillah, golongan kami tidak terbabit apabila kerajaan mengumumkan sekatan pergerakan penuh mulai semalam hingga 14 Jun ini," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, di sini hari ini.

Abdul Rahim Azali, 34, pula berkata kebenaran turun ke laut amat menggembirkannya kerana selama jaring tidak dilabuhkan di tengah laut, selagi itulah poket nelayan kering.

"Kami tidak ada gaji bulanan, sebaliknya rezeki kami bergantung kepada berapa banyak ikan yang dapat kami daratkan dan jika penutupan penuh itu tidak membenarkan kami menangkap ikan, selama itulah kami tiada sumber pendapatan," katanya.

Abu Noh Md Isa, 65, berkata saban hari dia menghabiskan kebanyakan waktunya dengan mencari rezeki di laut di perairan pinggir pantai Tanjung Bidara, di sini.

Selain itu, dengan menyedut udara bersih dalam ruang yang amat luas di tengah laut, dia yakin terhindar daripada ancaman wabak COVID-19 berbanding mereka yang bekerja dalam ruang bertutup dalam bangunan.

"Alhamdulillah, sejak mencari rezeki di laut selepas tamat perkhidmatan tentera kira-kira 20 tahun lalu, saya jarang menghidap demam, batuk atau penyakit berkaitan pernafasan," katanya di pangkalan nelayan Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	3 JUN 2021

Pulau Pinang digesa batalkan projek tambak laut

Jun 2, 2021 @ 10:05pm



Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican. - Foto NSTP
 GEORGETOWN: Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican hari ini menggesa kerajaan negeri supaya membatalkan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR), memandangkan ia tidak mendapat sokongan penuh rakyat.

Reezal yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata projek tambakan laut mega itu mendapat pelbagai reaksi negatif dan wujud dua petisyen yang menyokong pembatalannya.

"Sehubungan dengan itu, sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) Pulau Pinang, saya akan membawa suara bantahan dan gesaan pembatalan projek ini ke Mesyuarat MTPNg, serta mengemukakan pandangan balas terhadap projek ini kepada pihak kerajaan negeri dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau mendakwa, petisyen awam 'Save Penang! Reject the 3 islands Reclamation!' untuk pembatalan projek itu mendapat lebih 116,000 pernyataan sokongan setakat hari ini, manakala satu lagi petisyen bertajuk 'Save Malaysia's sea turtles!' yang terkait secara langsung dengan projek PSR turut mempunyai hampir 250,000 pernyataan sokongan.

Katanya, beliau secara peribadi tidak pernah bersetuju dengan projek itu yang dikatakan bertujuan untuk menjana sumber kewangan bagi membiaya projek projek pengangkutan, di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP).

Reezal mendakwa, bantahan terhadap projek itu adalah kerana pelaksanaannya dianggap tidak lagi bertujuan membiayai projek pengangkutan di bawah PIPPP kerana ia seakan-akan sudah menjadi projek hartanah yang dikuasai oleh syarikat swasta.

Selain itu, beliau mendakwa projek berkenaan boleh mengancam jaminan makanan rakyat dari hasil laut serta memusnahkan ekosistem, biodiversiti marin dan perubahan aliran air laut.

Sementara itu, Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang, Muhammad Fauzi Yusoff dalam kenyataan berasingan berkata, PAS Pulau Pinang sememangnya membantah projek PSR oleh kerajaan negeri.

Beliau mendakwa, projek itu tersasar daripada tujuan asalnya, sebaliknya lebih banyak menumpukan kepada kepentingan sesetengah pihak dan seakan mengabaikan kelestarian alam sekitar dan hidupan laut yang menjadi punca rezeki golongan nelayan. - BERNAMA

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE 3 JUN 2021	

Pulau Pinang digesa batalkan projek tambak laut

[BERNAMA](#)



ANTARA projek tambak laut yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang. FOTO NSTP Georgetown: Ahli Parlimen Kepala Batas Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican hari ini menggesa kerajaan negeri supaya membatalkan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR), memandangkan ia tidak mendapat sokongan penuh rakyat.

Reezal yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, projek tambakan laut mega itu mendapat pelbagai reaksi negatif dan wujud dua petisyen yang menyokong pembatalannya.

"Sehubungan dengan itu, sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) Pulau Pinang, saya akan membawa suara bantahan dan gesaan pembatalan projek ini ke Mesyuarat MTPNg, serta mengemukakan pandangan balas terhadap projek ini kepada pihak kerajaan negeri dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau mendakwa petisyen awam "Save Penang! Reject the 3 islands Reclamation!" untuk pembatalan projek itu mendapat lebih 116,000 pernyataan sokongan setakat

hari ini, manakala satu lagi petisyen bertajuk "Save Malaysia's sea turtles!" yang terkait secara langsung dengan projek PSR turut mempunyai hampir 250,000 pernyataan sokongan.

Katanya, beliau secara peribadi tidak pernah bersetuju dengan projek itu yang dikatakan bertujuan untuk menjana sumber kewangan bagi membiaya projek projek pengangkutan, di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP).

Reezal mendakwa bantahan terhadap projek itu adalah kerana pelaksanaannya dianggap tidak lagi bertujuan membiayai projek-projek pengangkutan di bawah PIPPP kerana ia seakan-akan sudah menjadi projek hartanah yang dikuasai oleh syarikat swasta.

Selain itu, Reezal mendakwa projek itu boleh mengancam jaminan makanan rakyat dari hasil laut serta memusnahkan ekosistem, biodiversiti marin dan perubahan aliran air laut.

Sementara itu, Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang Muhammad Fauzi Yusoff dalam kenyataan berasingan berkata, PAS Pulau Pinang sememangnya membantah projek PSR oleh kerajaan negeri.

Beliau mendakwa projek itu tersasar daripada tujuan asalnya, sebaliknya lebih banyak menumpukan kepada kepentingan sesetengah pihak dan seakan mengabaikan kelestarian alam sekitar dan hidupan laut yang menjadi punca rezeki golongan nelayan.

Disiarkan pada: Jun 2, 2021 @ 10:06pm

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI ..MALAYSIAKINI...	/	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	3 JUN 2021

NGO gesa k'jaan benarkan nelayan tanpa lesen turun ke laut

Diterbitkan 2 Jun 2021, 4:32 pm

A+A



Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING) memohon kerajaan agar memberi kebenaran kepada kumpulan nelayan tulen yang tidak berlesen dan tidak memiliki kad pendaftaran, untuk turun ke laut sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini.

Timbalan Pengerusi persatuan itu Mohd Faizal Mohd Zabri berkata meskipun kerajaan membenarkan nelayan terus beroperasi dan turun ke laut sebelum ini, namun sebahagian besar nelayan yang beroperasi di jeti adalah daripada kumpulan tersebut.

"Ramai dalam kalangan nelayan tidak memiliki lesen dan kad pendaftaran nelayan kerana pengeluaran lesen nelayan bagi perikanan laut pantai termasuk nelayan pantai Zon A telah lama dibekukan oleh kerajaan.

"Sehubungan itu, ramai dalam kalangan nelayan tidak mempunyai pilihan selain terus beroperasi untuk mencari rezeki tanpa memiliki lesen. Sebelum ini hanya 'lesen khas' sahaja yang dikeluarkan dengan bilangan yang terhad setiap kali menjelang pilihan raya umum," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Faizal berkata justeru, JARING berpendapat adalah amat wajar kerajaan membenarkan nelayan yang tidak memiliki lesen untuk turut beroperasi bagi mencari rezeki dalam meneruskan kelangsungan hidup ketika pandemik Covid-19 melanda negara.

"Dalam masa yang sama mereka juga turut menyumbang kepada jaminan bekalan makanan hasil laut negara dan ketiadaan mereka bakal menjejaskan bekalan hasil laut di sesetengah lokasi.

"Persatuan nelayan wajar mengeluarkan surat sokongan bagi membolehkan nelayan tulen yang tidak berlesen dan tidak memiliki kad pendaftaran nelayan turun ke laut," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Faizal berkata JARING turut menggesa agensi penguatkuasaan untuk memastikan semua nelayan yang beroperasi hanya menggunakan alat tangkap yang dibenarkan Akta Perikanan 1985 dan Jabatan Perikanan Malaysia bagi memelihara sumber perikanan negara.

Pada 28 Mei, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan sekatan pergerakan penuh sektor sosial dan ekonomi Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula semalam hingga 14 Jun untuk mengekang penularan wabak Covid-19.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) menyenaraikan 17 sektor termasuk pertanian, ternakan, perikanan, perladangan dan komoditi, selain yang terlibat dalam rantai bekalan untuk dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh tersebut.

- *Bernama*